



MULTAQA

**MULTAQA SIDR KEWANGAN SOSIAL ISLAM
(MULTAQA2026)**

MEMPERKUKUH APLIKASI SYARIAH DALAM KEWANGAN SOSIAL ISLAM

LATIHAN EKSEKUTIF

11 OGOS 2026
27 SAFAR 1448H

MULTAQA2026

12 OGOS 2026
28 SAFAR 1448H

PULLMAN KUALA LUMPUR CITY CENTRE

BUKU PROGRAM

PENGANJUR



PENGANJUR BERSAMA & PENAJA UTAMA



PENAJA GANGSA

**RAKAN PENAJA**

RAKAN STRATEGIK



RAKAN APLIKASI





MULTAQA

MULTAQA SIDR KEWANGAN SOSIAL ISLAM (MULTAQA2026)

PENGENALAN

MULTAQA2026 berperanan sebagai platform institusi nasional utama Malaysia yang menghimpunkan kepimpinan tertinggi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pihak berkuasa utama dalam tadbir urus kewangan sosial Islam negara, bersama ahli Jawatankuasa Fatwa, pemimpin industri, serta pemegang taruh utama sektor ketiga.

MULTAQA2026 mengetengahkan tema “**Memperkukuh Aplikasi Syariah dalam Kewangan Sosial Islam**”. Fokus MULTAQA2026 akan berkisar kepada lima isu utama berikut:

Inovasi Model dan Instrumen Kewangan Sosial Islam

Meneroka pendekatan baharu dalam reka bentuk zakat, wakaf dan instrumen kewangan sosial Islam bagi memperluas impak ekonomi dan kesejahteraan ummah.

Inovasi Institusi dan Tadbir Urus

Membincangkan pembaharuan institusi, model kerjasama strategik dan amalan tadbir urus yang mampu meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti.

Pengukuran dan Pengurusan Impak

Meneliti kaedah penilaian impak untuk mengukur keberkesanan kewangan sosial Islam dalam meningkatkan taraf hidup dan pembangunan masyarakat.

Fiqah, Polisi dan Perundangan Zakat

Mengupas isu ijihad kontemporari, pelaksanaan hukum fiqah zakat serta keselarasan antara prinsip Syariah, dasar kerajaan dan kerangka perundangan Malaysia.

Cabaran Operasi dan Pelaksanaan Zakat

Membincangkan isu zakat perniagaan, wakalah zakat serta cabaran ekonomi dan tadbir urus dalam memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan mampan.

MULTAQA2026 turut menganjurkan **LATIHAN EKSEKUTIF** yang akan diadakan sehari sebelum persidangan. Program intensif ini direka khas untuk pengamal industri, pengawal selia, akademik dan pengurus institusi zakat serta wakaf bagi memperkukuh kefahaman praktikal dan kemahiran strategik dalam bidang kewangan sosial Islam.

KATA ALU-ALUAN

PROFESOR EMERITUS DATO' DR MOHD AZMI OMAR

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
INCEIF University

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,



Ahamdulillahi Rabbil 'Alamin.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Multaqa SIDR Kewangan Sosial Islam (MULTAQA2026) dapat dianjurkan sebagai sebuah platform yang menghimpunkan pemimpin institusi, sarjana Syariah, ahli akademik, pengamal industri, ahli jawatankuasa fatwa serta wakil institusi zakat, wakaf, kewangan Islam dan Majlis Agama Islam Negeri.

Bagi pihak INCEIF University dan ISRA Institute, saya mengalu-alukan kehadiran semua peserta dan pihak berkepentingan ke MULTAQA2026.

Tema “Memperkuh Aplikasi Syariah dalam Kewangan Sosial Islam” amat bertepatan dengan keperluan semasa. Dalam persekitaran yang semakin kompleks, kewangan sosial Islam perlu terus berkembang daripada sekadar memenuhi tuntutan pematuhan Syariah kepada satu ekosistem yang mampu menjadi pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah.

Usaha ini memerlukan inovasi dalam reka bentuk instrumen, tadbir urus yang cekap dan telus, pengukuran impak yang berkesan serta kerjasama strategik antara institusi akademik, pengawal selia, industri, institusi agama dan agensi pelaksana.

Sehubungan itu, MULTAQA2026 memberi tumpuan kepada lima teras utama iaitu, Inovasi Model dan Instrumen Kewangan Sosial Islam;

Inovasi Institusi dan Tadbir Urus;

Pengukuran dan Pengurusan Impak;

Fiqh, Polisi dan Perundangan Zakat;

serta Cabaran Operasi dan Pelaksanaan Zakat.

Kelima-lima teras ini mencerminkan keperluan untuk memperkuh kewangan sosial Islam secara menyeluruh daripada aspek Syariah dan dasar, sehingga kepada pelaksanaan, tadbir urus dan pengukuran hasil kepada masyarakat.

Sepanjang beberapa dekad, industri kewangan Islam telah berkembang pesat dalam sektor perbankan Islam, takaful, pasaran modal dan kewangan sosial. Kini, cabaran yang dihadapi bukan lagi sekadar untuk mencapai pertumbuhan, tetapi untuk memastikan perkembangan tersebut benar-benar membawa impak positif kepada masyarakat serta selaras dengan Maqasid Syariah.

Dalam konteks ini, institusi zakat, wakaf dan instrumen kewangan sosial Islam mempunyai peranan yang sangat penting dalam menyokong pembangunan negara, memperkukuh kesejahteraan masyarakat dan memperluas peluang pemerkasaan ekonomi.

Justeru, usaha memperkukuh penyelidikan, membangunkan dasar yang responsif, menggalakkan inovasi serta melahirkan modal insan yang berkualiti perlu diteruskan agar ekosistem kewangan sosial Islam kekal relevan, mampan dan diyakini masyarakat.

Saya berharap segala perbincangan dan perkongsian ilmu sepanjang MULTAQA2026 dapat melahirkan idea serta cadangan yang mampu diterjemahkan kepada dasar, amalan dan inovasi yang memberi manfaat nyata kepada masyarakat. Semoga MULTAQA2026 turut menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat antara institusi akademik, industri, badan pengawalseliaan dan institusi agama dalam memperkasakan kewangan sosial Islam di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan sumbangan kepada penganjuran MULTAQA2026, khususnya Pusat Pungutan Zakat – MAIWP sebagai Penganjur Bersama; ISRA Associates, Co-opbank Pertama dan Bank Islam Malaysia Berhad sebagai Penaja Gangsa; JAWHAR sebagai Rakan Penaja; ASAS sebagai Rakan Strategik; serta i-FIKR sebagai Rakan Aplikasi.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan menjadi amal jariah yang berterusan.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

KATA ALU-ALUAN

DATUK HAJI ABDUL HAKIM AMIR OSMAN

Ketua Pegawai Eksekutif
PPZ-MAIWP



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

Alhamdulillah rabbil 'alamin, setinggi-tinggi puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Multaqa SIDR Kewangan Sosial Islam (MULTAQA2026). Pada kesempatan ini, saya berbesar hati untuk menzahirkan jutaan penghargaan kepada INCEIF University dan ISRA Institute atas penganjuran MULTAQA2026 serta peluang untuk PPZ-MAIWP menjadi penganjur bersama dan penaja utama dalam menjayakan platform ilmu yang menghimpunkan pemegang taruh utama kewangan sosial Islam negara. Platform ini bertepatan dengan matlamat untuk memperkukuh sinergi antara institusi, memperkasa tadbir urus dan memperluaskan impak kewangan sosial Islam demi kesejahteraan ummah.

Tema "Memperkukuh Aplikasi Syariah dalam Kewangan Sosial Islam" dilihat amat signifikan dengan perkembangan landskap kewangan Islam semasa. Institusi zakat hari ini bukan sekadar berperanan mengutip dan mengagihkan dana, bahkan perlu mengadaptasi inovasi, memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan dan memastikan amanah yang dipikul memberi impak yang lestari kepada masyarakat. Fokus persidangan terhadap inovasi instrumen kewangan sosial Islam, pengukuran impak, tadbir urus serta isu fiqh dan perundangan zakat adalah selaras dengan keperluan semasa institusi kewangan sosial Islam di Malaysia.

Sepanjang lebih beberapa dekad saya bersama PPZ-MAIWP, saya menyaksikan sendiri bagaimana transformasi sistem kutipan zakat, inovasi digital

serta pemerkasaan tadbir urus mampu meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Kejayaan kutipan zakat bukan hanya diukur melalui jumlah yang dikumpulkan, tetapi lebih penting lagi melalui keberkesanan pengurusan, ketelusan pentadbiran serta impak yang dirasakan oleh para asnaf dan masyarakat secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian, tinggi harapan saya agar MULTAQA2026 boleh menjadi platform terbaik bagi kita berkongsi pengalaman serta mencari penyelesaian dalam memperkasakan ekosistem kewangan sosial Islam. Semoga setiap sesi perbincangan sepanjang MULTAQA2026 dapat melahirkan idea-idea baharu serta menjadi pencetus kepada masa hadapan kewangan sosial Islam yang lebih berintegriti, lestari dan berimpak tinggi.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

LATIHAN EKSEKUTIF

📅 11 OGOS 2026 (SELASA) | 8.30 PAGI – 4.30 PETANG

8:30 pagi Pendaftaran

9:30 pagi **INOVASI DALAM KEWANGAN SOSIAL ISLAM (KSI)**
Sesi 1: Menilai Semula Model KSI & Instrumen KSI Inovatif

- Transformasi KSI: Daripada Bantuan kepada Pemberdayaan
- Masa Hadapan Zakat dalam Ekosistem Perlindungan Sosial Negara
- Model Pembiayaan Gabungan KSI

Pembentang: Profesor Dr Amir Shaharuddin

11:00 pagi Minum pagi

11:15 pagi **Sesi 2: Inovasi Institusi & Tadbir Urus**

- Memperkukuh Tadbir Urus Institusi KSI ke Arah Ketelusan dan Akauntabiliti
- Meningkatkan Keyakinan Masyarakat terhadap Institusi Zakat dan Wakaf
- Peranan Integriti dan Tadbir Urus dalam Menangani Ketirisan Dana Sosial Islam

Pembentang: Profesor Dr Amir Shaharuddin

1:00 petang Makan tengah hari dan Solat Zohor

2:30 petang **PENGUKURAN DAN PENGURUSAN IMPAK**
Sesi 3: Memahami Impak Kewangan Sosial Islam

- Adakah Instrumen KSI Benar-Benar Mengurangkan Kemiskinan?
- Bagaimana Mengukur Impak Sebenar Instrumen KSI?
- Instrumen KSI dan Ketahanan Sosioekonomi

Pembentang: Dr Nur Harena Redzuan

3:30 petang **Sesi 4: Menilai Keberkesanan Pengagihan Zakat dan Wakaf**

- Pengagihan Produktif vs Konsumtif
- Kajian Kes Kejayaan Transformasi Asnaf
- Digitalisasi Sistem Agihan: Kecekapan, Ketelusan dan Aksesibiliti

Pembentang: Dr Nur Harena Redzuan

4:30 petang Minum petang dan bersurai

MULTAQA2026

📅 12 OGOS 2026 (RABU) | 8.00 PAGI – 5.30 PETANG

8:00 pagi Pendaftaran

9:00 pagi الاجتهاد المعاصر في فقه الزكاة: التكامل بين الفقه والسياسة الحكومية

Sesi 1: Ijtihad Zakat Kontemporari: Integrasi Fiqah dan Polisi Kerajaan

- Keperluan Ijtihad Kontemporari dalam Fiqah Zakat
- Penyesuaian Konsep Asnaf & Bentuk Agihan
- Peranan Polisi Kerajaan & Autoriti Zakat
- Integrasi Fiqah dan Polisi

Pembentang: Sheikh Dr Fadhl Abdullah Murad

10:00 pagi Minum pagi

10:30 pagi Diskusi Panel 1: Isu-isu Pelaksanaan Hukum Fiqah Zakat dalam Kerangka Perundangan Malaysia

- Bidang Kuasa & Fragmentasi
- Jurang antara Fatwa dan Penguatkuasaan
- Isu Perundangan & Penguatkuasaan
- Keperluan Harmonisasi & Reform

Pembentang 1: Dato' Anas Ahmad Zakie

Pembentang 2: Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah

Moderator: Haji Ahmad Husni Dato' Haji Abd Rahman

11:30 pagi

Sesi 2: Zakat Perniagaan

Zakat Perniagaan dari Perspektif Mazhab Shafi'e

- Asas-asas Zakat perniagaan dalam mazhab Syafi'e

Pembentang: Dato Dr Abdul Basit Abdul Rahman

Zakat Perniagaan KWSP

Zakat Perniagaan dari Perspektif Mazhab Shafi'e

- Mengupas aplikasi Zakat perniagaan yang diusahakan oleh pihak KWSP

Pembentang: Dr Zaharuddin Abd Rahman

12:00 tengahari Makan tengah hari dan Solat Zohor

MULTAQA2026

📅 12 OGOS 2026 (RABU) | 8.00 PAGI – 5.30 PETANG

2:00 petang

Majlis Perasmian

Ucapan Alu-Aluan

Dr Marjan Muhammad

Timbalan Presiden Penyelidikan, ISRA Institute, INCEIF University

Dato' Haji Haji Ahmad Azam Ab Rahman

Pengerusi PPZ-MAIWP

Ucaptive

Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd Azmi 'Omar

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, INCEIF University

Ucapan Perasmian dan Pelancaran

YB Senator Dr Zulkifli Bin Hasan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Gimik Pelancaran Malaysia's Islamic Finance Report 2026

"Current Landscape and Strategic Directions for Islamic Social Finance in Malaysia"

3:30 petang

Diskusi Panel 2: Wakalah Zakat: Isu Shariah dan Tadbir Urus

- Isu Shariah dalam Pelaksanaan Wakalah
- Tadbir Urus & Akauntabiliti
- Isu Pengoperasian Wakalah
- Pelaporan & Ketelusan

Pembentang 1: *Datuk Profesor Madya Dr Luqman Abdullah*

Pembentang 2: *Datuk Haji Abdul Hakim Amir Osman*

Moderator: *Profesor Dr Amir Shaharuddin*

5:30 petang

Minum Petang & Program Tamat



YB SENATOR DR ZULKIFLI BIN HASAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
(Malaysia)



YB Senator Dr Zulkifli Hasan kini menjawat jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Beliau merupakan bekas Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Perhubungan Komuniti), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan bekas Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau turut aktif dalam bidang akademik sebagai Editor Malaysian Journal of Syariah and Law, Editor Bersekutu Journal of Islamic Accounting and Business Research, serta ahli Lembaga Penasihat Journal of Contemporary Maqasid Studies, di samping menjadi panel pakar muamalat dan pengawalseliaan halal di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam industri kewangan Islam, Dr Zulkifli berpengalaman luas sebagai peguam bela dan peguam cara, penasihat undang-undang dalaman Bank Muamalat Malaysia Berhad, serta Ahli Jawatankuasa Syariah di Affin Islamic Bank, EXIM Bank, Zurich Takaful, Koperasi Belia Islam dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Beliau juga merupakan ahli Council of Scholars ISRA dan Panel Pakar Muamalat JAKIM, serta terlibat dalam projek Indeks Syariah Malaysia sebagai salah seorang panel pakar. Sebagai penyelidik akademik, beliau telah menerbitkan banyak artikel dalam jurnal akademik terkemuka seperti Humanomics, Islamic Law Quarterly dan ISRA International Journal of Islamic Finance, serta membentangkan kertas kerja di pelbagai persidangan tempatan dan antarabangsa. Bukunya "Shari'ah Governance in Islamic Bank" (Edinburgh University Press) memenangi Anugerah Penerbitan Terbaik MAPIM dalam kategori sains sosial pada 2013, dan beliau turut menerima Global Islamic Finance Award sebagai Upcoming Scholar 2016.



PROFESOR EMERITUS DATO' DR MOHD AZMI OMAR

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
INCEIF University
(Malaysia)



Profesor Emeritus Dato' Dr Mohd Azmi Omar merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INCEIF University. Beliau merupakan salah seorang kakitangan perintis Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) apabila menyertai universiti tersebut sebagai pensyarah di Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan pada November 1983. Sepanjang 36 tahun perkhidmatan beliau di UIAM, beliau pernah menjadi Profesor di Jabatan Kewangan dan Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Dekan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan (1996-2003), Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) (2003-2008), Dekan Pejabat Strategi Korporat dan Jaminan Kualiti (2008-2009), serta Dekan Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM (2009-2011). Sebelum menyertai INCEIF, Dato' Azmi merupakan Ketua Pengarah Islamic Research and Training Institute (IRTI) di Islamic Development Bank Group, Jeddah (Januari 2012–September 2017). Di IRTI, beliau memperkenalkan pelbagai penyelidikan dasar inovatif yang menghasilkan laporan unggul seperti IRTI Islamic Social Finance Report dan IsDB-World Bank Global Report on Islamic Finance, di samping menasihati dan memberi bantuan teknikal kepada beberapa negara ahli IsDB dalam pelaksanaan kewangan Islam.

Sepanjang kerjayanya, Dato' Azmi telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, antaranya tersenarai dalam Top 500 tokoh paling berpengaruh dalam dunia Islam (Islamica 500), Anugerah Sumbangan Individu Paling Cemerlang kepada Kewangan Islam di KLIFF Islamic Finance Awards, Kuala Lumpur (2015), serta Anugerah Pencapaian Seumur Hidup dalam Ekonomi dan Kewangan Islam di Persidangan Ekonomi dan Kewangan Islam Sedunia ke-3, Pakistan (2020).



DATUK HAJI ABDUL HAKIM AMIR OSMAN

Ketua Pegawai Eksekutif, PPZ-MAIWP
(Malaysia)



Datuk Haji Abdul Hakim Amir bin Osman merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) yang dilantik pada 10 November 2021. Beliau merupakan antara kakitangan perintis yang terlibat dalam penubuhan PPZ-MAIWP sejak tahun 1990 dan telah berkhidmat dalam institusi tersebut selama lebih tiga dekad, memegang pelbagai jawatan strategik termasuk Ketua Unit Dakwah, Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Pengurus Operasi, Pengurus Kanan Operasi serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum dilantik sebagai CEO. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta mempunyai kepakaran luas dalam pengurusan zakat, wakaf, tadbir urus institusi Islam dan inovasi kewangan sosial. Sepanjang kerjayanya, beliau telah memainkan peranan penting dalam pembangunan sistem kutipan zakat berkomputer yang pertama di dunia, memperkenalkan pelbagai inovasi perkhidmatan zakat serta memperkukuh amalan tadbir urus dan profesionalisme institusi zakat di Malaysia.

Di bawah kepimpinan beliau, PPZ MAIWP berjaya mencatat kutipan zakat melebihi RM1 bilion, termasuk kutipan tertinggi sebanyak RM1.134 bilion pada tahun 2024. Beliau juga aktif di peringkat nasional dan antarabangsa melalui penglibatan dalam Dewan Zakat MABIMS, World Zakat and Waqf Forum serta pelbagai jawatankuasa berkaitan pengurusan zakat dan kewangan sosial Islam. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau, Datuk Haji Abdul Hakim Amir telah dianugerahkan Ahli Mahkota Wilayah (AMW) pada tahun 2012 dan Panglima Mahkota Wilayah (PMW), yang membawa gelaran Datuk. Beliau turut menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang pengurusan zakat, inovasi dan pembangunan institusi Islam.



DR MARJAN MUHAMMAD

Timbalan Presiden Penyelidikan,
ISRA Institute, INCEIF University
(Malaysia)



Dr Marjan Muhammad merupakan Timbalan Presiden Penyelidikan, ISRA Institute, INCEIF University. Dalam kapasiti semasa, beliau bertanggungjawab menyelia pelbagai portfolio termasuk jaminan dan penilaian kualiti penyelidikan, penerbitan, harta intelek penyelidikan serta pengkomersialan hasil penyelidikan. Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Hal Ehwal Penyelidikan ISRA dari tahun 2013 hingga 2017. Beliau kini merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) yang berkuat kuasa mulai 1 November 2019. Sebelum itu, beliau pernah menganggotai Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad, SME Bank Berhad, MBSB Berhad, dan RHB Islamic Berhad. Di peringkat antarabangsa, beliau turut menganggotai Advisory Committee of Experts bagi Lotus Bank Limited serta Lembaga Penyeliaan Syariah (Shariah Supervisory Board) bagi Lotus Capital Limited, yang kedua-duanya berpangkalan di Nigeria.

Dr. Marjan telah menerbitkan pelbagai artikel dalam jurnal berwasit di peringkat antarabangsa dan tempatan, menghasilkan beberapa kertas penyelidikan berkaitan kewangan Islam, menulis bab-bab dalam buku, menyumbang kepada laporan industri, serta membentangkan hasil penyelidikan dalam pelbagai persidangan di dalam dan luar negara. Beliau juga merupakan editor bagi beberapa buku teks utama terbitan ISRA, termasuk Islamic Financial System: Principles and Operations (Edisi Kedua), Sukuk: Principles & Practices, dan Islamic Capital Markets: Principles & Practices. Selain itu, beliau pernah menjadi Pengurus Projek bagi dua laporan pasaran bertajuk The Role of Sukuk in Islamic Capital Markets dan Islamic Fund Management yang dibiayai oleh Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation of the Organization of Islamic Cooperation (COMCEC). Dr. Marjan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM/IIUM). Beliau seterusnya melanjutkan pengajian dan memperoleh Ijazah Sarjana serta Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh daripada universiti yang sama.



DR MUHAMAD NASIR HARON

Felo Penyelidik Kanan, Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam (Centre of Excellence for Islamic Social Finance), INCEIF University (Malaysia)



Dr. Muhamad Nasir Haron merupakan Felo Penyelidik Kanan di Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam (Centre of Excellence for Islamic Social Finance), INCEIF University. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Perbankan dan Kewangan Islam daripada Institute of Islamic Banking and Finance (IIBF), International Islamic University Malaysia (IIUM). Di samping itu, beliau merupakan pemegang beberapa kelayakan profesional, antaranya Certified Shariah Adviser and Auditor (CSAA) daripada Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Chartered Professional in Islamic Finance (CPIF) daripada Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), serta Islamic Finance Qualification (IFQ) daripada The Chartered Institute for Securities & Investment (CISI), United Kingdom.



SHEIKH PROFESOR DR FADHL ABDULLAH MURAD

Penolong Setiausaha Agung,
Ketua Fatwa Kesatuan Ulama' Islam Antarabangsa
(Qatar)



Beliau pernah menjadi profesor Maqasid Syariah, Fiqh, Usul Fiqh, dan Qawaid Fiqh di Universiti al-Iman, Yaman, serta pernah menjawat Ketua Jabatan Usul Fiqh dan Dekan Fakulti Syariah. Kini beliau berkhidmat sebagai pensyarah Pengajian Islam dan Isu Kontemporari di Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Qatar. Beliau memiliki dua ijazah kedoktoran (PhD): pertama dalam Fiqh Perbandingan dan Usul Fiqh (Universiti al-Iman, kepujian pertama), kedua dalam Syariah dan Undang-undang (Universiti Ummu Darman, Sudan, cemerlang). Beliau juga meraih ijazah tertinggi dalam kefatwaan dan kehakiman daripada senat Universiti al-Iman dan Al-'Allamah Muhammad bin Ismail al-'Umrani, serta Diploma dalam ilmu Perubatan. Beliau merupakan pakar dalam bidang fiqh kontemporari dan mengasaskan gagasan Ensiklopedia Fiqh al-'Asr.



DATO' ANAS AHMAD ZAKIE

Ketua Bahagian, Bahagian Syariah dan Pengharmonian
Undang-Undang (BSPUU), Jabatan Peguam Negara
(Malaysia)



Dato' Anas Ahmad Zakie merupakan seorang tokoh berpengalaman luas dalam bidang perundangan dan litigasi kerajaan, pendakwaan jenayah, pentadbiran undang-undang awam serta pengharmonian undang-undang Syariah dan sivil. Beliau kini berperanan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Ahli MAIWP. Beliau turut menganggotai Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan (JPIK) serta Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie.

Dalam bidang pentadbiran, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-undang di Jabatan Peguam Negara, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia, serta Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang dan Kedah. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pengalaman luas beliau dalam perundangan, pentadbiran awam dan pengharmonian undang-undang menjadikan beliau seorang tokoh rujukan yang dihormati dalam bidang tersebut.



PROFESOR DR ENSKU RABIAH ADAWIAH

Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah,
Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
(Malaysia)



Prof Dr Engku Rabiah Adawiah merupakan Profesor kehormat di Institut Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Ijazah Sarjana Muda Syariah (LL.B Syariah), Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, serta Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Undang-Undang dari Universiti Aberdeen United Kingdom. Beliau juga terlibat di pelbagai institusi lain, di mana beliau merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Di samping itu, beliau juga terlibat sebagai ahli MAIDAM, ahli Lembaga Khadijah International Waqf Foundation (KIWF) Labuan, penasihat Syariah di Tabung Haji, Xeraya Capital, Labuan Re dan Gen Re. Beliau banyak membuat kajian mengenai pasaran modal Islam, perbankan dan kewangan Islam, takaful dan fiqh muamalat. Penerbitan beliau merangkumi buku-buku, serta artikel di dalam pelbagai jurnal tempatan dan antarabangsa.



HAJI AHMAD HUSNI DATO' HAJI ABD RAHMAN

Pengurus Kanan,
Unit Syariah dan Antarabangsa, PPZ-MAIWP
(Malaysia)



Mempunyai pengalaman sekitar 21 tahun berkhidmat di lapangan Kewangan Sosial Islam di Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. Kini menjawat jawatan sebagai Pengurus Kanan Unit Syariah & Antarabangsa PPZ-MAIWP, bertanggungjawab dalam kepatuhan dan pentadbiran Syariah, kajian fatwa, perbincangan dan penerangan berkaitan operasi zakat dan wakaf.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Islam Madinah Munawwarah pada tahun 2003 dan menamatkan Ijazah Sarjana (Falsafah) di Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2025. Beliau juga diberi amanah sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah di Affin Islamic Bank Berhad, SME Bank Berhad dan Pengerusi Penasihat Syariah di Amanah Warisan Berhad (AWARIS). Dalam masa yang sama turut terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Wakalah PTPTN dan Zakat Wakalah Committee Tabung Haji dan Deputy Chairman of The Stakeholders and Members Engagement Committee of ASAS. Beliau juga aktif di persada dakwah media massa sebagai panelis dalam rancangan Tanyalah Ustaz dan sering diundang menjadi tetamu radio dan televisyen.



TUAN GURU DATO' DR ABDUL BASIT ABDUL RAHMAN

Pengerusi, Yayasan Pondok Sungai Durian
(Malaysia)



Beliau lebih dikenali sebagai Abu Anas Madani, merupakan seorang tokoh ilmuan dan pendakwah yang berasal dari Pondok Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Muhammadiyah, Pondok Sungai Durian sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Madinah, Arab Saudi. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah (1995), disusuli dengan Ijazah Sarjana Syariah (2000) dan seterusnya menyelesaikan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Syariah pada tahun 2005 yang menjadikannya antara rakyat Malaysia terawal yang mendapat Ph.D dari Universiti Islam Madinah. Bidang pengkhususan beliau adalah dalam **Fiqh Syafie**, dengan tumpuan terhadap teks klasik seperti karya **Abi Said al-Istakhri** dan **Ibnu Rif'ah**, selain turut meneliti isu-isu fiqh kontemporari seperti perubahan Islam, maqasid syariah dan pendidikan Islam tradisional.

Antara hasil pena beliau dalam **Bahasa Arab** termasuk tesis Ph.D bertajuk *Fiqh Abi Said Al-Istakhri Asy-Syafei* dan tesis M.A mengenai *tahqiq* kitab *Al-Matlab Al-'Aali Fi Syarh Al-Wasit Al-Ghazali*. Selain itu, sehingga kini hampir 21 buah buku beliau telah diterbitkan dan lebih 50 kertas kerja ilmiah telah dibentangkan di samping aktif mengadakan kelas-kelas pengajian di pondok dan majlis ilmu yang disiarkan di media sosial sehingga mencecah ribuan tontonan. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Yayasan Pondok Sungai Durian dan Musyrif Madrasah Muhammadiyah selain menjawat beberapa jawatan seperti Ahli Lembaga Penasihat Syariah Hospital Universiti Sains Malaysia dan Ahli Majlis Penasihat Syariah Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.



DR ZAHARUDDIN ABD RAHMAN

Penasihat Syariah,
KWSP Simpanan Syariah
(Malaysia)



Dr. Zaharuddin Abd Rahman merupakan pakar Syariah dan kewangan Islam terkemuka di Malaysia yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang perbankan Islam, pasaran modal Islam, pelaburan, tadbir urus Syariah dan perundingan korporat. Beliau berkhidmat sebagai Penasihat Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta memegang pelbagai peranan strategik sebagai penasihat dan perunding Syariah kepada institusi kewangan, badan pengawal selia dan syarikat korporat di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dr. Zaharuddin juga pernah berkhidmat sebagai perunding dan penasihat Syariah kepada beberapa institusi utama, termasuk Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, EXIM Bank Malaysia dan institusi kewangan Islam yang lain. Dari sudut akademik, beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana dalam bidang Syariah dari Universiti Yarmouk, Jordan serta Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Syariah dan Kewangan Islam dari Universiti Wales, United Kingdom. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebelum menubuhkan Elzar Group, sebuah kumpulan syarikat yang menyediakan perkhidmatan perundingan Syariah, latihan profesional, pembangunan perniagaan dan penyelesaian patuh Syariah. Selain penglibatan aktif dalam industri, Dr. Zaharuddin merupakan penulis prolific dan penceramah yang banyak menyumbang kepada pembangunan ilmu kewangan Islam menerusi penerbitan buku, seminar, latihan korporat dan platform digital. Beliau telah menghasilkan lebih 20 buah buku yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, khususnya dalam bidang muamalat, kewangan Islam dan pelaburan patuh Syariah. Beliau turut mengasaskan Multaqa Asatizah dan Du'at (MURSHID), sebuah platform yang menghimpunkan para ilmuwan dan pendakwah bagi memperkukuh usaha pendidikan dan dakwah Islam di Malaysia. Dengan gabungan kepakaran akademik, pengalaman industri dan pemahaman mendalam terhadap aplikasi Syariah dalam kewangan moden, Dr. Zaharuddin terus menjadi antara rujukan utama dalam pembangunan ekosistem kewangan Islam di Malaysia.



DATUK PROFESOR MADYA DR LUQMAN ABDULLAH

Mantan Mufti Wilayah Persekutuan,
Pensyarah Kanan Universiti Malaya
(Malaysia)



Beliau dilahirkan di Kampung Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan. Merupakan anak kedua kepada ulama' Kelantan terkenal, Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdullah Lubuk Tapah. Dilantik menjadi Mufti Wilayah Persekutuan ke-8 bermula Mei 2020 hingga Mei 2025. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Malaya pada tahun 1993 dan kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Edinburgh, Scotland pada tahun 2005 dalam bidang undang-undang harta Islam. Menghasilkan lebih 150 karya penulisan yang terdiri daripada buku, jurnal ilmiah, dan artikel artikel, termasuk menyertai lebih 30 projek penyelidikan dalam bidang fiqh, usul fiqh, zakat, dan pengurusan harta dalam Islam.

Kini masih berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Selain itu terlibat dalam bidang kepenasihatannya Syariah di beberapa institusi antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah MNRB Holdings Berhad, Amanah Raya Berhad dan Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Juga diberi anamah sebagai Panel Pakar Syariah JAKIM dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji TH-JAKIM (JPIH).



PROFESOR DR AMIR SHAHARUDDIN

Pengarah,
Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam (CoEISF),
INCEIF University
(Malaysia)



Profesor Dr. Amir bin Shaharuddin kini merupakan Pengarah Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam di INCEIF University. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian dari Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 2001 dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2005. Pada tahun 2010, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Arab dan Islam dari University of Exeter, United Kingdom.

Beliau merupakan Felo Pelawat pertama yang dilantik di bawah Program Scholar in Residence menerusi penyelidikan bertajuk "Harmonising Shariah Rulings in Islamic Finance: Issues, Ways and Challenges". Program tersebut merupakan inisiatif bersama antara Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Oxford Centre for Islamic Studies. Beliau juga pernah dilantik sebagai Profesor Pelawat di Urgench State University, Uzbekistan pada tahun 2018 dan 2019 serta sebagai Profesor Adjung di Universiti Antarabangsa UNITAR pada tahun 2021. Bidang penyelidikan beliau tertumpu kepada kewangan sosial Islam serta isu berkaitan aplikasi fiqh muamalat dalam industri perbankan dan kewangan Islam. Sebelum menyertai INCEIF University, beliau telah berkhidmat selama 20 tahun di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan memegang beberapa jawatan pentadbiran, antaranya Pengarah Pengurusan Akademik, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Dekan Pengajian Siswazah. Beliau kini turut berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah SME Bank dan Hong Leong MSIG Takaful Berhad. Selain itu, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Hong Leong Islamic Bank.



DR NUR HARENA REDZUAN

Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Felo Penyelidik Kanan, Pusat Kecemerlangan
Kewangan Sosial Islam (CoEISF), INCEIF University
(Malaysia)



Dr. Nur Harena Redzuan kini merupakan Felo Penyelidik Kanan di Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam (CO-EISF), INCEIF. Sebelum menyertai INCEIF University, beliau pernah berkhidmat sebagai ahli akademik di Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM (IIBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan dan Sains Komputer dari University of Liverpool, United Kingdom, sebelum melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau merangkumi kewangan sosial Islam, mikro kewangan Islam, keterangkuman kewangan, kewangan mampan, tadbir urus Syariah serta perkembangan perbankan dan kewangan digital. Beliau aktif menghasilkan penerbitan serta menjalankan projek penyelidikan berkaitan kelestarian institusi mikro kewangan, pengukuran impak sosial, pembiayaan perumahan Islam, pembiayaan bagi golongan berpendapatan rendah dan aplikasi teknologi dalam kewangan Islam. Selain menjalankan tugas pengajaran dan penyelidikan, beliau turut terlibat dalam usaha memperkukuh amalan kewangan sosial dan pengukuran impak di Malaysia. Pengalaman serta kepakaran beliau dalam bidang kewangan Islam menjadikan beliau antara ahli akademik yang aktif menyumbang kepada pengembangan ilmu, amalan industri dan pembangunan kewangan yang lebih inklusif serta mampan.

AHLI JAWATANKUASA MULTAQA2026

PENASIHAT

- Dr Marjan Muhammad

PENGARAH PROGRAM SAINTIFIK

- Profesor Dr Amir Shaharuddin

PENGARAH PROGRAM

- Dr Nur Harena Redzuan
- Haji Ahmad Husni Dato' Haji Abd Rahman, PPZ-MAIWP

PENOLONG PENGARAH PROGRAM

- Shamimi Mohd Zulkarnaini
- Hajah Norazlina Mohd Nordin, PPZ-MAIWP

PENGURUS KANDUNGAN & KERTAS KERJA

- Dr Amelia Natasha Nazeri

SETIAUSAHA

- Dr Siti Fatimah Mohamed Nor
- Siti Nurhaliza Zakaria, PPZ-MAIWP

BENDAHARI

- Intan Salmiah Othman

PROTOKOL

- Raihan Adilah Zakaria, PPZ-MAIWP
- Nur Aliyah Mohd Zaizi, PPZ-MAIWP

PENGURUS LOGISTIK & PENGURUSAN DEWAN

- Noor Aznir Nizam Noordin
- Fatin Aqilah Zulfikle, PPZ-MAIWP

JAWATANKUASA RAPORTEUR

- Dr Azreen Hamiza
- Muhammad Nadzri Ahmad Jailani

JAWATANKUASA PENDAFTARAN & PENYERTAAN

- Dr Siti Fatimah Mohamed Noor
- Siti Samiha Mohamad Shokri
- Ahmad Faisal Pauzer
- Nik Muna Iffah

PENAJAAN

- Sheila Din

JAWATANKUASA GRAFIK, PUBLISITI & PROMOSI

- Ahmad Fahmi Jelani
- Normas Rafie
- Mohamad Shafiq Mahbob
- Adam Harris Suppuramany

JAWATANKUASA PENGANGKUTAN

- Muhammad Iman Ruzain Azhar
- Muhammad Furqan Abdullah (Liason Officer), PPZ-MAIWP
- Muhammad Aiman Ghazali (Liason Officer), PPZ-MAIWP
- Ikram Masiri (Liason Officer), PPZ-MAIWP

JAWATANKUASA AV & TEKNIKAL

- Muhammad Firdaus Nasir
- TS Muhammad Ariff

PENGACARA

- Muhammad Shakir Aizat Azman
- Muhammad Hafiz Jasri, PPZ-MAIWP

PEMBACA DUA'

- Muhammad Iman Ruzain Azhar

MULTIMEDIA

- Muhammad Fakhruallah Ifwat Romzain, PPZ-MAIWP

JAWATANKUASA HADIAH, PENGIRING VVIP & USHERER

- Shamimi Mohd Zulkarnaini
- Nur Athirah Mohd Hanafiah, PPZ-MAIWP
- Nurilyana Hazlin Hassan, PPZ-MAIWP

JURUGAMBAR

- Mohd Farizal Mohd Fadzil
- Muhammad Amirul Mohd Roshidi, PPZ-MAIWP



MULTAQA SIDR KEWANGAN SOSIAL ISLAM
(MULTAQA2026)

PENGANJUR BERSAMA

INCEIF
UNIVERSITY

ISRA
INSTITUTE

PENGANJUR BERSAMA & PENAJA UTAMA



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

قوسٲ قو غوٲن زكاة مجلس اكام اسلام ولايه فرسكوٲوان

PENAJA GANGSA

BANK ISLAM



ISRA
ASSOCIATES



**MULTAQA SIDR KEWANGAN SOSIAL ISLAM
(MULTAQA2026)**

RAKAN PENAJA

JAWHAR

RAKAN STRATEGIK



RAKAN APLIKASI



PENGANJUR



Universiti INCEIF telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi membangunkan modal insan dan kepimpinan ilmu dalam industri kewangan Islam global. Selain menawarkan program akademik seperti Doktor Falsafah (PhD) dalam Kewangan Islam, MBA (Perniagaan Mampan), Sarjana Amalan Kewangan Islam (Master of Islamic Finance Practice) dan Sarjana Sains (MSc) dalam Kewangan Islam, INCEIF turut menyediakan program latihan eksekutif yang disesuaikan mengikut keperluan industri serta menjalankan penyelidikangunaan yang berorientasikan industri selaras dengan visinya untuk menjadi peneraju ilmu dan pemikiran dalam bidang kewangan Islam.

Institut ISRA, yang merupakan cabang penyelidikan INCEIF, mengkhusus dalam penyelidikan Syariahgunaan dalam kewangan Islam. Diiktiraf di peringkat global, Institut ISRA telah menghasilkan lebih daripada 200 penerbitan penyelidikan Syariah, termasuk buku teks, jurnal dan kertas penyelidikan yang menjadi rujukan meluas di dalam dan luar negara.

ISRA Associates, anak syarikat milik INCEIF, menyediakan perkhidmatan perundangan, khidmat nasihat, penyelidikan berasaskan industri serta latihan profesional dalam bidang Syariah, kewangan Islam, Maqasid al-Syariah, ekonomi, teknologi kewangan (fintech) dan kelestarian. ISRA Associates merupakan Penasihat Syariah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA). Disokong oleh pakar-pakar berpengalaman daripada Universiti INCEIF dan Institut ISRA serta rangkaian pakar global yang luas, ISRA Associates menawarkan penyelesaian perundangan dan khidmat nasihat yang disesuaikan dengan keperluan pelanggan.

Institut ISRA, yang dahulunya dikenali sebagai International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), telah ditubuhkan pada tahun 2008 oleh Bank Negara Malaysia sebagai sebuah institusi penyelidikan unggul yang memfokuskan kepada penyelidikan Syariahgunaan dalam kewangan Islam. Diiktiraf di peringkat antarabangsa, Institut ISRA telah menghasilkan lebih daripada 200 penerbitan penyelidikan Syariah, termasuk buku teks, jurnal dan kertas penyelidikan yang menjadi rujukan utama di peringkat tempatan dan antarabangsa. Institut ini menyelia tiga Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) serta sebuah Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre) bagi melaksanakan mandatnya dalam memperkukuh kepimpinan pemikiran dan inovasi dalam penyelidikan Syariah serta kewangan Islam.

Pusat Kecemerlangan Syariah Gunaan dalam Ekonomi dan Kewangan (Centre of Excellence for Applied Shariah in Economics and Finance – CASHIEF)

CASHIEF berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan teori Syariah dengan aplikasi praktikalnya dalam bidang ekonomi dan kewangan. Pusat ini berhasrat menjadi hab penyelidikan bertaraf dunia yang memperjuangkan pelaksanaan kerangka maqasid yang mantap bagi memastikan sistem kewangan dan ekonomi Islam selari dengan objektif utama Syariah (maqasid al-Syariah).

Pusat Kecemerlangan Kewangan Sosial Islam (Centre of Excellence for Islamic Social Finance – CoE ISF)

CoE ISF menerajui pelaksanaan inisiatif INCEIF dalam memperkukuh keterangkuman kewangan serta menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Sustainable Development Goals – SDGs). Berlandaskan maqasid al-Syariah, pusat ini mempromosikan kebajikan sosial, nilai ihsan, keadilan sosioekonomi serta akses kewangan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat.

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi dalam Ekonomi Islam (Centre of Excellence for Research and Innovation in Islamic Economics – i-RISE)

i-RISE memberi tumpuan kepada penyelidikan inovatif yang berorientasikan dasar bagi menyokong pembangunan ekonomi Malaysia selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Pusat ini merangka cadangan dasar dan langkah-langkah praktikal yang memberi manfaat kepada rakyat, di samping memainkan peranan penting dalam memajukan bidang keutamaan Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Malaysia (MIFC Leadership Council), termasuk peningkatan ilmu, pembangunan kapasiti dan pengukuhan institusi.

Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre – RMC)

RMC bertanggungjawab menyelaras dan mengurus pelbagai aktiviti penyelidikan yang melibatkan geran dalaman, kebangsaan, antarabangsa dan industri. Selain itu, RMC turut memudah cara proses pengkomersialan hasil penyelidikan, menganjurkan program berkaitan penyelidikan serta menyokong penghasilan penerbitan berimpak tinggi. Sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap kepimpinan pemikiran yang inovatif, Institut ISRA turut membangunkan i-FIKR, sebuah pangkalan data digital termaju yang berfungsi sebagai repositori ilmu Syariah yang komprehensif dan berautoriti dalam bidang kewangan Islam. Susulan proses penyatuan antara ISRA dan Universiti INCEIF pada Julai 2021, Institut ISRA telah memperluaskan skop penyelidikannya melangkaui bidang Syariahgunaan kepada pelbagai disiplin dalam ekonomi dan kewangan Islam. Bidang-bidang tersebut merangkumi pengurusan, perniagaan dan pemasaran, kewangan korporat, keusahawanan, teknologi kewangan (fintech), ekonometrik, perakaunan dan pengauditan, ekonomi halal serta kewangan sosial. Melalui peluasan skop ini, Institut ISRA berhasrat untuk menjadi hab penyelidikan dan kepakaran bertaraf global dalam bidang-bidang berkenaan.

PENGANJUR BERSAMA & PENAJA UTAMA



Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) merupakan sebuah agensi yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mengutip zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sejak ditubuhkan, PPZ-MAIWP telah merevolusikan pengurusan zakat menerusi pendekatan korporat, efisien dan inovatif, selaras dengan perkembangan semasa serta keperluan masyarakat. PPZ-MAIWP komited dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai kewajipan berzakat, di samping menyediakan perkhidmatan pembayaran zakat yang mudah, pantas dan mesra pelanggan melalui pelbagai saluran.

Selain kutipan zakat, PPZ-MAIWP turut bertanggungjawab menguruskan wakaf tunai di Wilayah Persekutuan di bawah jenama Wakaf PPZ. Bermula Disember 2025, Wakaf PPZ kini dikenali sebagai Wakaf Wilayah Persekutuan, satu penjenamaan yang mencerminkan usaha untuk memperluaskan peranan serta manfaat wakaf kepada masyarakat. Melalui inisiatif ini, masyarakat mempunyai lebih banyak ruang untuk berwakaf dan menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat.


Dengan mengutamakan profesionalisme, integriti, inovasi dan kecemerlangan perkhidmatan, PPZ-MAIWP terus memperkukuh peranannya sebagai institusi yang dipercayai dalam pengurusan zakat dan wakaf. Melalui pendekatan yang progresif dan berorientasikan masyarakat, PPZ-MAIWP komited untuk memastikan pengurusan zakat dan wakaf dilaksanakan secara cekap, telus dan memberi impak yang berterusan kepada pembangunan serta kesejahteraan ummah.

zakat2u.com.my

PENAJA GANGSA



www.bankislam.com



PENAJA GANGSA



Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu.

www.cbp.com.my



SRA Associates Sdn Bhd (ISRA Associates) merupakan anak syarikat milik penuh INCEIF University yang berperanan sebagai sayap penglibatan industri institusi tersebut. Ditubuhkan pada 15 Mei 2007 dengan nama INCEIF Consultancy Sdn Bhd, syarikat ini kemudiannya dijenamakan semula sebagai INCEIF Education Sdn Bhd pada tahun 2016, ISRA Consulting pada tahun 2019, sebelum menggunakan identiti semasanya sebagai ISRA Associates pada tahun 2026. Sejak penubuhannya, ISRA Associates komited dalam menyediakan perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat berkaitan Syariah yang dirangka khusus mengikut keperluan organisasi di peringkat tempatan dan global.

Pada tahun 2021, ISRA Associates disatukan bersama INCEIF University dan ISRA Institute, membentuk sebuah entiti bersepadu yang menghimpunkan kepakaran dalam bidang kecemerlangan akademik, latihan eksekutif, penyelidikan dan khidmat nasihat berkaitan kewangan Islam, Syariah, ekonomi digital dan kelestarian. Penyatuan strategik ini bertujuan mengoptimalkan kecekapan operasi serta menyelaraskan kepakaran kolektif ketiga-tiga entiti ke arah pencapaian matlamat institusi yang dikongsi bersama.

Pada masa kini, dengan memanfaatkan kedudukan global INCEIF dalam bidang kewangan Islam, ISRA Associates menyediakan rangkaian komprehensif perkhidmatan perundingan, khidmat nasihat dan pembangunan kapasiti yang merangkumi kewangan Islam dan ekonomi Islam. Perkhidmatan terasnya meliputi penstrukturan dan pengesahan produk, pembangunan kerangka tadbir urus Syariah, pembangunan kerangka kawal selia, pelan hala tuju pelaksanaan kewangan Islam, khidmat nasihat Syariah institusi serta penyelidikan industri. Perkhidmatan ini disediakan kepada pelbagai sektor termasuk perbankan Islam, takaful, pasaran modal, fintech dan sektor awam. Setiap penglibatan disokong oleh rangkaian global sarjana Syariah dan pengamal industri bagi memastikan penyelesaian yang ditawarkan kukuh dari sudut teknikal serta dapat disesuaikan dengan konteks dan keperluan setempat. Selain peranan utamanya dalam khidmat nasihat, ISRA Associates turut memperluas impaknya melalui dua unit khusus. Unit Impak dan Kecemerlangan memperkukuh keupayaan firma dalam aspek kualiti pembelajaran, pembangunan profesional dan prestasi organisasi melalui penawaran program Certified Training Professional, Semakan Kualiti Program Pembelajaran, Akreditasi Program Pembelajaran serta pembangunan kompetensi. Sementara itu, Unit Pembelajaran dan Inovasi menerajui integrasi teknologi berasaskan kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan kecekapan operasi, di samping memperkukuh agenda kelestarian firma selaras dengan amalan yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh.

Kepimpinan ISRA Associates telah berkembang dari semasa ke semasa, masing-masing diterajui oleh Dato' Prof. Dr. Ashraf Md Hashim dan Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin, dan kini diketuai oleh Assoc. Prof. Dr. Mohamad Eskandar Shah Mohd Rasid. Di bawah kepimpinan yang berterusan, firma ini telah meraih pengiktirafan Best Shariah Advisory Firm 2025 serta Best Islamic Consultancy Services selama tujuh tahun berturut-turut dari 2019 hingga 2025, yang dianugerahkan oleh IFN dan The Asset ASEAN Awards. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan ISRA Associates terhadap standard profesional yang tinggi, integriti Syariah dan usaha membina dunia yang lebih baik.

israassociates.com

RAKAN PENAJA



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merupakan jabatan Kerajaan yang berperanan merancang, melaksana, memantau dan menyelaras pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah. JAWHAR turut menyelaras keperluan dan keseragaman sistem perundangan, menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri serta agensi berkaitan, dan menyokong usaha memperkukuh pengurusan institusi dalam bidang teras tersebut.

JAWHAR telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 dan dilancarkan secara rasmi pada 8 Oktober 2004. Penubuhannya merupakan usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah. Nama "JAWHAR" berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya, selain menjadi akronim kepada Jabatan, Wakaf, Haji serta Zakat dan Mal yang diwakili melalui perkataan Harta.

Visi JAWHAR adalah "Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah bertaraf dunia", manakala misinya ialah "Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik". Antara objektifnya termasuk memperkasa pembangunan sosio-ekonomi ummah, mempertingkatkan tadbir urus terbaik, meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam serta menyubur dan membudayakan turath dalam amalan berwakaf.

Motto: "Bersama Membina Tamadun Ummah"

www.jawhar.gov.my

RAKAN STRATEGIK



Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS) ditubuhkan pada tahun 2011, Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS) memainkan peranan penting dalam memajukan industri kewangan Islam melalui kecemerlangan dalam bidang khidmat nasihat Syariah. ASAS telah diiktiraf dalam Pelan Sektor Kewangan Malaysia 2011-2020 dan 2022-2026, serta menyokong pembangunan bakat melalui Program Pembangunan Profesional (Professional Development Programme – PDP) yang komprehensif. Program ini merangkumi program pensijilan utama bagi Penasihat Syariah, iaitu Certified Shariah Advisor (CSA) dan Certified Shariah Practitioner (CSP).

ASAS turut menawarkan program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development – CPD) serta Shariah Committee Succession Plan Initiative (SCSPI) yang baru diperkenalkan. Inisiatif ini bertujuan membangunkan barisan pemimpin masa hadapan dan memastikan kesinambungan bakat yang mampan bagi Jawatankuasa Syariah dalam sektor kewangan Islam. Sebagai sebuah persatuan berasaskan keahlian individu, ASAS memperkukuh profesionalisme melalui pelbagai inisiatif strategik, penglibatan ahli serta manfaat eksklusif kepada para anggotanya. Persatuan ini kekal komited dalam memperkasa Penasihat Syariah dan memperkukuh perkembangan profesional mereka dalam bidang kewangan Islam. Untuk maklumat lanjut mengenai ASAS, sila hubungi +603-6203 4643 / +6019-617 6203 atau layari laman sesawang <http://www.asas.my>.

www.asas.my



MULTAQA

MULTAQA SIDR KEWANGAN SOSIAL ISLAM
(MULTAQA2026)

**Terima kasih kerana sudi menyertai
MULTAQA2026**

Untuk penambahbaikan acara MULTAQA pada masa akan datang, kami amat mengalu-alukan pandangan dan penilaian anda dengan mengisi
Borang Maklumbalas.

Sila imbas kod QR



Kempen **FEE BASED BONANZA 2026**

1 April 2026 - 31 Mac 2027

Langgan Produk Perancangan Kewangan CBP Dan
Anda Layak Untuk Memenangi Hadiah Menarik
Yang Disediakan, Pada Setiap Suku Tahunan
Serta **HADIAH UTAMA***.

*Imej adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja



*Tertakluk terma dan syarat

*CBP berhak menukar hadiah mengikut kesesuaian jika perlu



Inspiring A Better World

Registered Shariah Adviser of:



OUR 5 PILLARS OF EXCELLENCE

Shariah Advisory

Islamic Finance Consultancy

Executive Education & Training

Impact & Effectiveness

Learning & Innovation

Global Track Record



BEST ISLAMIC CONSULTING SERVICES

[2019, 2020, 2021, 2022, 2023, 2024, 2025]

BEST SHARIAH ADVISORY FIRM

[2024, 2025]

BEST ISLAMIC CONSULTANCY SERVICES

[2019, 2020, 2021, 2022, 2023]



AACSB
ACCREDITED

INCEIF
UNIVERSITY
DU018 (W)

UNLOCK YOUR PURPOSE-DRIVEN CAREER PATH WITH INCEIF UNIVERSITY

Why INCEIF



World Class

INCEIF is the world's first Islamic Finance university to be accredited by AACSB (Association to Advance Collegiate Schools of Business), placing it among the top 5% of business schools globally. With alumni from over 85 countries, INCEIF graduates have made significant contributions to policy and product development, as well as talent nurturing.



Practical

As the world's sole dedicated postgraduate university in Islamic Finance, INCEIF has become the preferred international destination for academic and executive training programmes, research, advisory and consultancy works on Islamic Finance, Shariah, Digital Economy and Sustainability.

**Postgraduate Programmes
and Professional Certifications
in Islamic Finance and
Sustainable Business**

Scan for details



ENROL TODAY

inceif.edu.my

Your Journey to *Excellence* in Islamic Finance

PhD Programmes

- › **PhD in Islamic Finance (by Research)**
(R3/0413/8/0004) (06/27) (A8302)
- › **PhD in Islamic Finance (by Coursework & Dissertation)**
(R3/343/8/0056) (06/27) (A8301)
- › **Industrial PhD – Islamic Finance**
(R2/343/8/0074) (03/30) (MQA/FA2944)
- › **Doctor of Philosophy in Applied Muamalat (Economics and Finance)** NEW
(N/0413/8/0005) (10/32) (MQA/PA18563)

Master's Programmes

- › **Masters of Science in Islamic Finance (MSc)**
(R3/343/7/0071) (02/30) (A8831)
- › **Masters in Islamic Finance Practice (MIFP)**
(R2/343/7/0045) (01/28) (MQA/FA2551)
- › **Executive Masters in Islamic Finance (eMIF)**
(R2/0413/7/0249) (03/29) (MQA/FA3816)
- › **Master in Business Administration (Sustainable Business)**
(R/0410/7/0002) (01/30) (MQA/FA12385)

Professional Certificate

- › **Professional Certificate in Islamic Finance (PCIF-eMIF)**
- › **Professional Certificate from MBA (Sustainable Business) (PC-MBA)**
- › **Professional Certificate in Islamic Finance (PCIF Face-to-face)**
- › **Professional Certificate in Islamic Finance (PCIF Online)**
- › **Professional Certificate in Business Administration (PCBA)**

Micro-Certification

- › **Micro-Certification from Executive Masters in Islamic Finance (MC-eMIF)**
- › **Micro-Certification from MBA (Sustainable Business) (MC-MBA)**
- › **Micro-Certification from MSc in Islamic Finance (MC-MSc)**
- › **Micro-Certification from Masters in Islamic Finance Practice (MC-MIFP)**



INTAKES IN JANUARY • JUNE • SEPTEMBER





AACSB
ACCREDITED

INCEIF
UNIVERSITY
DU018 (W)

Doctor of Philosophy in Applied Muamalat (Economics and Finance)

(N/0413/8/0005) (10/32) (MQA/PA18563)

**ACCEPTING
APPLICATION**

NEW PROGRAMME ADMISSION OPEN

- Advance Muamalat in Economics and Finance
- Master powerful analytical skills
- Drive impactful, Shariah-based research with a Maqasidic lens

APPLY NOW





INCEIF
ENDOWMENT FUND

Make A GIFT NOW

A Little Contribution Can't Change The World but It Can Change Someone's World

- The endowment is perpetual (the amount of donation is retained)
- Only the return from the investment will be used for the beneficiaries

THE BENEFICIARIES:



STUDENT SCHOLARSHIP

Assist deserving students to pursue INCEIF programmes irrespective of nationality, race and gender.



RESEARCH

Enrich Islamic Finance knowledge through applied industry-focussed research & development to maintain a consistent stream of new knowledge and products that fulfil industry needs.



ACADEMIC CHAIR

Enable experts and academicians to conduct advanced research, teach students and mentor other academics among others.



INFRASTRUCTURE

Boost operational and student capacity to enhance student life experience on campus.

- Contribution of RM1,000 or less will be channelled into one of the four options above and other endowment programmes as deemed fit by INCEIF.

01

**SCAN
TO DONATE**



OR

02



giving.inceif.edu.my

**Auto generated receipt to registered email*

***For Malaysian, your donation is eligible for TAX DEDUCTION under Section 44(11C) of the Income Tax Act 1967 (Reference: MOF.TAX.700-3/1/186(29) dated 19 March 2026)**

GET YOUR OWN COPY TODAY

PURCHASE DIRECTLY ON  **Shopee**




SCAN THE QR CODE
to explore our books
and place your order.



SAFE & SECURE
Fast checkout and
nationwide delivery.



my.shp.ee/2FQfP6Vm



KNOWLEDGE THAT **INSPIRES**.
BOOKS THAT **TRANSFORM**.



AACSB
ACCREDITED

INCEIF
UNIVERSITY
DU018 (W)

INCEIF MERCHANDISE SALE



SHOPEE



Visit our Shopee store today!

shopee.com.my/isra_publication

Contact us :



+6017 393 7118



+6013 674 8635

المؤتمر العالمي الحادي والعشرون لعلماء الشريعة في المالية الإسلامية

ISSF 2026

21ST INTERNATIONAL SHARIAH SCHOLARS FORUM
IN ISLAMIC FINANCE

تقويم نقدي لتطبيقات المالية الإسلامية
المعاصرة في ضوء مقتضى العقد ومقصوده

A Critical Appraisal of The Contemporary Islamic Finance Practices
In Light of Contractual Implications (Muqtaḍā al-ʿAqd) And
Contractual Objectives (Maqṣūd al-ʿAqd)

♦ EXECUTIVE COURSE ♦

Fiqh al-Muwazanat in Islamic Finance

30 NOVEMBER - 2 DECEMBER 2026

20-22 JAMADILAKHIR 1448H

KUALA LUMPUR MALAYSIA

SAVE THE DATE

INCEIF
UNIVERSITY

ISRA
INSTITUTE